



**TEKS UCAPAN  
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**MAJLIS PERASMIAN OPS BELANG**

**PAYA INDAH WETLANDS, DENGKIL**

**30 APRIL 2019 (SELASA)**

---

Terima kasih pengacara majlis

**YANG BERHORMAT MULIA TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,**

Timbalan Menteri ,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli),  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR ABU HASHIM,**

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara  
Semenanjung Malaysia (PERHILITAN);

**YANG BERBAHAGIA DATUK BORHANUDIN BIN ARSHAD**

Ketua Pengarah  
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHAMED SHAH REDZA BIN HUSSEIN**

Pengurus Besar,  
Perbadanan Taman Negeri Perak;

**YANG BERUSAHA ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN ABDULLAH**

Pengarah,  
Perbadanan Taman Negara Johor;

## **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DAN AGENSI**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

### **Selamat Pagi dan Salam Sejahtera**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan PERHILITAN kerana menjemput saya hadir untuk untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan **Majlis Perasmian Ops Belang** pada pagi ini.
2. **Malaysia merupakan antara 17 buah negara yang paling kaya dengan biodiversiti di mana hampir 70 peratus spesies yang diketahui di dunia terdapat di negara kita.** Bagaimanapun, kekayaan dan keunikan biodiversiti negara terdedah kepada pelbagai ancaman. **Sebanyak 82 peratus kehilangan biodiversiti adalah disebabkan oleh tindakan manusia.**
3. **Aktiviti manusia telah menyebabkan kemusnahan habitat dan kepupusan spesies** sehingga mengakibatkan kesan buruk kepada manusia sendiri seperti berlakunya pengurangan bekalan air bersih dan bekalan makanan serta pelbagai bencana alam.
4. Oleh sebab itulah, saya sentiasa memberi penekanan supaya kita sentiasa melindungi dan memulihara aset kita yang tidak ternilai ini. **Biodiversiti negara mesti dipulihara, digunakan secara mampan serta faedah yang terhasil daripadanya dikongsi secara adil dan saksama bagi menjamin kesejahteraan negara pada masa kini dan masa depan.**

5. Antara aktiviti yang tidak bertanggungjawab ialah **melakukan jenayah pemburuan hidupan liar secara haram khususnya di kawasan perlindungan (*protected areas*)** termasuklah di Taman Negara, Rizab Hidupan Liar, Taman Negeri, Hutan Simpan dan Tapak RAMSAR.

**Hadirin sekalian,**

6. Pencerobohan kawasan perlindungan oleh pemburu haram memberi tekanan kepada kelangsungan hidupan liar di negara ini. Sekiranya jenayah ini tidak dikawal, ia boleh menjadikan populasi hidupan liar dan lebih membimbangkan ada spesies yang akan terus pupus termasuk Harimau Malaya.

7. **Saya memandang serius isu ini dan saya telah mengisyiharkan perang habis-habisan terhadap pemburu haram semasa saya merasmikan sambutan Hari Hidupan Liar Sedunia 2019 dan Pra-Pelancaran Kempen ‘Selamatkan Harimau Malaya’ 2019 - 2020 pada 17 Mac 2019.**

8. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian menerusi Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama Kerajaan Negeri, agensi-agensi penguatkuasaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melindungi kawasan perlindungan yang menjadi habitat utama hidupan liar.

9. Sejak tahun 2001, **Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)** bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dalam membanteras pencerobohan kawasan perlindungan dan pemburuan haram hidupan liar

melalui pelbagai operasi penguatkuasaan bersama iaitu Ops Jelai I hingga Ops Jelai XIII, Ops Bintang Hijau dan Ops Bamboo. Kerjasama ini dipertingkatkan pada tahun 2014 hingga 2018 melalui program *Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network* (MBEON).

10. Program MBEON melibatkan kawalan dan rondaan di Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu), Taman Negara Johor Endau-Rompin, dan Taman Negara Diraja Belum yang turut disertai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Perbadanan Taman Negeri Johor (PTNJ) dan Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP).

**Hadirin sekalian,**

11. Bagi menggantikan Program MBEON, **Jabatan PERHILITAN** telah melaksanakan operasi penguatkuasaan khas yang dinamakan Ops Belang. Ops Belang merupakan operasi pengawalan dan rondaan penguatkuasaan sepenuh masa (*boots on the ground*) yang melibatkan sebanyak 200 orang anggota Jabatan PERHILITAN di kawasan-kawasan habitat utama Harimau Malaya. Ops Belang turut melibatkan JPSM, PTNJ dan PTNP.

12. Sehingga kini, sebanyak enam (6) operasi di kawasan *hotspot* pencerobohan dan pemburuan haram iaitu di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak dan Kedah telah berjaya dilaksanakan.

13. **Pelbagai usaha Kerajaan telah menampakkan hasil apabila berjaya menangkap dua orang penceroboh dan pemburu haram warga Vietnam di Taman Negara Terengganu pada minggu lepas.**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan tahniah kepada Jabatan PERHILITAN khususnya pasukan taktikal khas iaitu *Special Protected Area Response Team (SPARTA)*** atas usaha yang dijalankan walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan risiko.

**Hadirin sekalian,**

14. Bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan haram hidupan liar untuk jangka masa panjang, **operasi penguatkuasaan bersepadu** yang melibatkan anggota Jabatan PERHILITAN, JPSM, ATM, PDRM serta agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) akan dilaksanakan secara berterusan berasaskan kepada **konsep sifar pemburuan haram (*zero poaching*)**.

15. Saya menggesa semua pihak berganding bahu memperhebatkan usaha dalam membanteras jenayah hidupan liar hingga ke akar umbi. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan **ribuan terima kasih kepada Jabatan PERHILITAN, JPSM, PTNP dan PTNJ yang komited menjayakan Ops Belang. Saya berharap Ops Belang akan merekodkan kejayaan cemerlang.**

16. Akhir kata, saya dengan **sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Ops Belang.**

**Ayuh Kita Selamatkan Harimau Malaya!!! Ayuh Kita Gempur Pemburu Haram!!! Sekian, terima kasih.**